

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON  
[ TEBRAU ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 76**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sama ada satu kaedah yang kukuh telah dirangka untuk mengawal selia pencemaran sungai-sungai atau isu-isu pencemaran sungai masih dalam peringkat kajian sahaja.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Dalam menangani isu pencemaran sungai-sungai ini, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim (MESTECC) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengambil pelbagai langkah, baik di peringkat kajian, perancangan mahupun operasi.
2. Antara tindakan yang diambil adalah seperti berikut :
  - (i) di bawah Program Pengawasan Alam Sekitar (*Environmental Quality Monitoring Programme* - EQMP), JAS telah melaksanakan program pengawasan kualiti air sungai bagi seluruh Malaysia. Maklumat mengenai status kualiti air sungai mengikut kelas dilaporkan dalam Laporan Kualiti Alam Sekeliling setiap tahun;

**NO. SOALAN : 76**

(ii) penguatkuasaan dan pemantauan secara berkala ke atas sungai-sungai yang berisiko tinggi tercemar, memang dikawal meliputi semua aspek daripada peringkat perancangan, penempatan industri, penguatkuasaan berterusan, pengawasan dan program kesedaran dan pendidikan alam sekitar;

(iii) satu kajian telah dijalankan bagi memperkenalkan pendekatan baharu untuk mengawal pencemaran sungai melalui kaedah *Total Maximum Daily Load* (TMDL) iaitu penentuan beban pencemaran yang dibenarkan dilepaskan oleh setiap punca pencemaran air berdasarkan kepada daya tampung sesebuah sungai; dan

(iv) Kementerian ini juga sedang dalam proses meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 bagi memantapkan usaha mencegah dan mengawal pencemaran alam sekitar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [ TENOM ]  
TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 77

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan jumlah peruntukan yang diberikan kepada sekolah-sekolah kebangsaan di luar bandar Sabah untuk sebarang keperluan logistik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai Kementerian yang telah diamanahkan dan dipertanggungjawab dalam pembangunan modal insan negara sentiasa menfokuskan kepada akses dan ekuiti pendidikan yang melibatkan kebajikan, keselesaan dan kemudahan asas kepada semua sekolah termasuk sekolah-sekolah luar bandar di Negeri Sabah. Walau bagaimanapun dengan peruntukan yang terhad, pihak Kementerian hanya dapat memberikan keutamaan projek atau program yang telah dirancang dan benar-benar kritikal serta mendesak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2019, KPM telah menyalurkan peruntukan mengurus kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sabah seperti berikut:

1. Peruntukan Pendidikan Prasekolah sebanyak RM74,565,900.00
2. Peruntukan Pendidikan Rendah sebanyak RM2,224,047,900.00
3. Peruntukan Pendidikan Menengah sebanyak RM1,383,469,200.00

Agihan peruntukan ini tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa negara dan tahap keperluan mendesak sesuatu program atau projek. Sehubungan itu, agihan peruntukan dilakukan oleh JPN Sabah mengikut keperluan dan keutamaan program yang dijalankan termasuklah peruntukan logistik sekolah-sekolah di luar bandar di Sabah.

Sekian, terima kasih.

RJM 114